

GARIS PANDUAN PENILAIAN KEMAHIRAN PEKERJA ASING DI SEKTOR PERLADANGAN

BAHAGIAN A

1.0 PERMOHONAN

- 1.1 Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan borang LGM/PPKPA-1 yang boleh didapati secara percuma dari Lembaga Getah Malaysia atau dimuat turun (download) dari laman web <http://www.lgm.gov.my>. Sertakan satu salinan pasport dan permit kerja yang disahkan oleh majikan bagi setiap pekerja asing yang berkenaan.
- 1.2 Borang yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan terus kepada LGM sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tamat tempoh permit pekerja asing berkenaan dengan menyertakan bersama :
 - i) Sampul Surat Pos Ekspress berzaiz 353mm x 250mm beralamat sendiri
 - ii) Salinan Pendaftaran Syarikat (ROC), Pendaftaran Perniagaan (ROB) atau dokumen bukti pemilikan yang lain yang telah disahkan oleh majikan; dan
 - iii) Bayaran sebanyak RM370.00 bagi setiap pekerja asing dalam bentuk Bank Deraf/Wang Kiriman Pos atas nama Lembaga Getah Malaysia.
- 1.3 Dokumen-dokumen di atas hendaklah dihantar kepada :

Pengarah
Bahagian Ekonomi & Perancangan Korporat
Lembaga Getah Malaysia
Tingkat 3, Bangunan Getah Asli (Menara)
148 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

BAHAGIAN B

2.0 PENILAIAN

2.1 **Penilaian akan dilakukan di premis majikan** berasaskan portfolio pekerja, pemerhatian terhadap kemahiran pekerja dan soaljawab atau temubual majikan serta pekerja.

2.2 Semasa penilaian, majikan hendaklah:-

- i) Menyediakan passport asal pekerja asing yang terlibat untuk disemak oleh Pegawai Penilai
- ii) Memastikan semua pekerja asing yang memohon perakuan berada di premis/tempat untuk dinilai kemahiran mereka oleh Pegawai Penilai
- iii) Menyerahkan portfolio/fail pekerja asing kepada Pegawai Penilai. Hanya satu portfolio harus disediakan oleh majikan
- iv) Isi kandungan portfolio/fail pekerja asing
 - (a) Salinan passport & permit kerja yang disahkan oleh majikan
 - (b) Salinan surat tawaran kerja yang disahkan oleh majikan
 - (c) Senarai tugas yang disahkan oleh majikan
 - (d) Bukti keterampilan pekerja asing seperti sijil latihan, gambar, buku log, perakuan majikan (testimonial) dll yang disahkan majikan.

BAHAGIAN C

3.0 PENGELUARAN SIJIL

- 3.1 Sijil Perakuan akan dikeluarkan oleh LGM yang ditandatangani Ketua Pengarah
- 3.2 Tempoh sahlaku sijil adalah selama tiga tahun dari tarikh sijil dikeluarkan

*Bahagian Ekonomi dan Perancangan Korporat
Lembaga Getah Malaysia*